

TULISAN JAWI DI BAHAGIAN UTARA SUMATERA:  
KEDAULATAN, KELEMAHAN DAN PEMULIHANNYA

OLEH

M. HUSNAN LUBIS

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1998

TULISAN JAWI DI BAHAGIAN UTARA SUMATERA:  
KEDAULATAN, KELEMAHAN DAN PEMULIHANNYA

OLEH

M. HUSNAN LUBIS

Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Sarjana Sastera

Julai 1998

## PENGAKUAN

Dengan ini saya mengakui bahawa karya saya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali bahagian-bahagian nukilan dan kutipan serta ringkasan yang telah saya sebutkan rujukan serta sumbernya.

Pulau Pinang

Julai 1998.

M. Husnan Lubis.

## Penghargaan

Alhamdulillah, dengan rahmat Allah SWT, telah dapat menempuh jalan panjang dan berliku menuju ke penghujung dari penulisan tesis ini, salawat dan salam buat junjungan Nabi tercinta Muhammad Rasulullah sebagai Rasul penutup dan manusia teragung lagi mulia.

Dalam penulisan tesis ini telah banyak mendapat petunjuk dan bantuan, sama ada bantuan berupa moral dan material, oleh sebab itu sudah selayaknya saya mengucapkan ribuan terima kasih yang setinggi-tingginya dan penghargaan yang setulusnya kepada: Ayah dan Mak tersayang di atas segala do'a, pengorbanan dan sokongan moral yang tiada putusnya. Begitu juga kepada Ayah dan Ibu Mertua yang selalu setia mengikuti perkembangan menunggu keberhasilan.

Terima kasih juga kepada Bapak Dekan Fakultas Sastera Universitas Sumatera Utara, Medan. Juga terima kasih kepada Bapak Rektor Universitas Sumatera Utara, Medan yang telah memberikan izin dan bantuan kepada saya untuk melanjutkan pendidikan di Universiti Sains Malaysia.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang setingginya kepada Dr.Syed Muhammad Dawilah al-Edrus sebagai penyelia yang telah rela berkorban masa, tenaga dan fikiran dalam membimbing penulisan tesis ini. Begitu juga kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan tak lupa penghargaan kepada pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan seluruh kakitangannya. Dalam kesempatan ini juga rakaman terima kasih yang sedalam-dalamnya kepada Kantor Wilayah Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Bahagian Sejarah dan Nilai

Tradisional, Propinsi Sumatera Utara, Medan. Kantor Wilayah Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Bahagian Sejarah dan Nilai Tradisional, Propinsi Daerah Istimewa Aceh, Banda Aceh. Museum Negri Banda Aceh, Perpustakaan Klasik Tanah Abe, Aceh Besar, Aceh. Serta Perpustakaan peribadi Prof. Ali Hasjmy. Banda Aceh dan kepada seluruh informan yang telah saya temui dalam keperluan menghimpun data dan informasi untuk keperluan tesis ini.

Selanjutnya penghargaan kepada isteri saya, Mardiah Mawar Kembaren, juga kepada kedua anak saya Hanifatul Azha Lubis dan Nahrir Muhammad Auza'ie Lubis, yang telah turut serta dalam mengharungi lembah dan likuan, suka dan duka selama merantau di negeri jiran. Juga buat semua adik-adik Tak lupa juga kepada kakanda **Jaudin bin Ahmad** sekeluarga di Ipoh Perak, yang telah banyak memberikan sumbangan dan bantuan sama ada bantuan material mahupun moral, kesemuanya itu tak dapat dibalasi dan dilupakan semoga ia akan menjadi amal jariah yang pahalanya tidak akan terputus sampai bila-bila. Terakhir tak dapat dilupakan kepada Dr. Darwis Harahap bin Muhammad dan Prof. Madya. Dr. Muhammad Syukri Salleh atas segala saranan dan nasehatnya.

Pulau Pinang, 30 Julai 1998.

**M. HUSNAN LUBIS.**

## ABSTRAK

- Tumpuan tesis ialah untuk membincangkan tentang tulisan Jawi yang dibawa oleh Islam ke Indonesia dan Alam Melayu khususnya di bahagian Utara Sumatera. Agama Islam telah banyak membawa perubahan dan perkembangan, baik perubahan dari segi peradaban mahupun dari segi ilmu pengetahuan.

Penemuan terhadap tulisan Jawi telah dapat membawa pembaharuan dalam pendidikan dan persuratan. Pada masa kejayaan penggunaannya, tulisan Jawi adalah satu-satunya alat persuratan yang digunakan dengan begitu meluas dalam segala aspek kehidupan. Pengetahuan dan penguasaan terhadap tulisan Jawi telah dapat mendorong masyarakat untuk menghasilkan banyak manuskrip, buku dan lain-lain yang tiada terkira nilai dan harganya. Peranan tulisan Jawi telah membawa kemajuan ilmu pengetahuan dan peradaban Islam di Indonesia dan Alam Melayu lainnya, bahkan sampai ke Eropah dan negara barat.

Berakhirnya masa kejayaan penggunaan tulisan Jawi ialah setelah datangnya pengaruh penjajah barat yang telah membawa masuk tulisan Rumi ke Indonesia dan Alam Melayu lainnya. Datangnya penjajah Barat, bukan sahaja mahu mencengkam dari segi fizikal dan mental masyarakat Melayu tempatan, akan tetapi dari segala segi yang meliputi aspek agama dan kebudayaan. Akhirnya setelah pengaruh tulisan Rumi yang dibawa penjajah ini kian meluas, posisi dan peranan tulisan Jawi semakin melemah dan akhirnya penggunaannya secara meluas telah berakhir.

Namun dalam usaha untuk memulihkannya semula kedudukan tulisan Jawi perlu diadakan tindakan nyata, sungguh-sungguh dan berterusan dari pihak-pihak yang terbabit. Salah satu jalan yang paling berkesan untuk menghidupkannya kembali ialah melalui lembaga-lembaga pendidikan yang disokong dengan sistem dan kurikulum yang baik dan tepat. Untuk itu di akhir tulisan ini dicadangkan satu sistem tulisan Jawi baru, sistem transliterasi Jawi baru dan cadangan kurikulum tulisan Jawi baru untuk sekolah rendah dan lanjutan pertama.

## **THE JAWI SCRIPT IN NORTHERN SUMATERA: SOVEREIGNTY, DECADENCE AND EMPOWERMENT**

### **ABSTRACT**

The thesis will discuss on the Jawi script which is brought by the Muslims to Indonesia and the Malay world especially in Northern Sumatera. The regional of Islam has brought a lot of change and development, in terms of civilization as well as knowledge.

The discovery of the Jawi script has brought about the innovation in education and literature. When it is successfully used, the Jawi script is the only literary work which is widely applied in each and every aspect of life. The knowledge and domination in Jawi script have encouraged the society to produce a lot of manuscripts, books and others. The Jawi script has developed the knowledge and Islamic civilization in Indonesia and the Malay world, as well as Europe and the western countries.

The usage of the Jawi script has come to the ending of its successful period when the western colonist brought in the Roman script to Indonesia and the other Malay world. The arrival of the western colonist, is not only to grasp the local Malay society in terms of their physical and mental aspects but also in terms of their religion and culture. In the end, when the influence of the Roman script has expanded, the position and usage of the Jawi script has weakened and finally, its wide usage has come to an end.

In order to revive the usage of the Jawi script, apparent, earnest and continuous actions should be carried out by the agencies involved. One of the effective ways is through education which is supported by its excellent and accurate system and curriculum.

Therefore, to conclude this thesis, it is suggested that a new Jawi script system, Jawi transliteration system and Jawi script curriculum for the primary and the secondary schools be implemented.



## SENARAI SINGKATAN

ASAS	: Angkatan Sasterawan
ABRI	: Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
Deppen	: Departemen Penerangan
DLL	: Dan Lain-Lain
H	: Hijrah
HIS	: Holland in Lausche School
HAMKA	: Haji Abdul Karim Amrullah
Hankam	: Pertahanan Keamanan
POLRI	: Polisi Republik Indonesia
PKI	: Partai Komunis Indonesia
PENJAWIM	: Pencinta Tulisan Jawi
LEKRA	: Lembaga Kebudayaan Rakyat
M	: Masihi
M	: Meninggal
MULO	: Middelbare Uitgebreitd Lager School
USU	: Universitas Sumatera Utara
USM	: Universiti Sains Malaysia
UKM	: Unversiti Kebangsaan Malaysia
Z'ABA	: Zainal 'Abidin bin Ahmad

<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>vii</b>
<b>DAFTAR ISI</b>	<b>viii</b>
<b>BAB I PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Daerah Kajian	8
1.3 Letak Geografikal Kajian	9
1.4 Latar Belakang	10
1.5 Pernyataan Masalah	15
1.6 Batasan dan Bidang Kajian	17
1.7 Pengumpulan Data dan Bahan Kajian	17
1.8 Kaedah, Pendekatan Kajian dan Landasan Teori	18
1.9 Tujuan dan Kepentingan Kajian	21
1.10 Objektif Kajian	23
1.11 Kajian Terdahulu	24
1.12 Organisasi Kajian	25
<b>BAB II LATAR BELAKANG LAHIRNYA TULISAN JAWI</b>	<b>27</b>
2.1 Pengenalan	27
2.2 Kepercayaan Tempatan Sebelum Islam	28
2.3 Tulisan Tempatan Sebelum Islam	35
2.4 Sepintas Tentang Sejarah Masuknya Islam Ke Indonesia	40
2.5 Beberapa Analisis Tentang Lahirnya Tulisan Jawi	46
2.6 Pemberian Nama Tulisan Jawi	55
<b>BAB III PERKEMBANGAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI</b>	<b>64</b>
3.1 Pengenalan	64
3.2 Tulisan Jawi Zaman Sebelum Kerajaan Islam Perlak	65
3.3 Tulisan Jawi Zaman Kerajaan Islam Perlak dan Pasai	73
3.4 Kerajaan Islam Aceh Dar al- Salam dan Kejayaan Penggunaan Tulisan Jawi	89

<b>BAB IV</b>	<b>KEMEROSOTAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI</b>	<b>121</b>
4.1	Pengenalan	121
4.2	Faktor Merosotnya Penggunaan Tulisan Jawi	124
4.3	Akibat Kemerosotan Penggunaan Tulisan Jawi	138
4.4	Tinjauan Sepintas Tulisan Jawi di Malaysia	143
<b>BAB V</b>	<b>PERANCANGAN TULISAN JAWI BARU</b>	<b>150</b>
5.1	Pengenalan	150
5.2	Analisis Kelemahan Sistem Tulisan Jawi.	151
5.3	Perancangan Pemerintah Terhadap Tulisan Jawi	161
5.4	Sistem Tulisan Jawi Baru Yang Dicadangkan	166
5.5	Kurikulum Tulisan Jawi Yang Dicadangkan	176
5.6	Kaedah Pengajaran Yang Dicadangkan	185
5.7	Sistem Transliterasi Jawi-Rumi Yang Dicadangkan	192
<b>BAB VI</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>204</b>
6.1	Pengenalan	204
6.2	Kesimpulan	204
6.3	Dapatan	206
6.4	Sumbangan Kajian	207
6.5	Kajian Selanjutnya	207
6.6	Saranan	208
<b>Senarai Rujukan</b>	<b>:</b>	<b>209</b>
<b>Daftar Lampiran</b>	<b>:</b>	<b>217</b>

## BAB SATU PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Sudah menjadi catatan dalam sejarah, bahawa tulisan Jawi adalah salah satu kesan dan pengaruh daripada warisan tamaddun<sup>1</sup> Islam di Indonesia. Dalam mengkajinya, tidak dapat terlepas daripada membincangkan sejarah masuknya agama Islam ke Indonesia. Kemasukan agama Islam ke Indonesia, telah melahirkan beberapa pendapat atau teori daripada para pengakaji dan sarjana sejarah samaada tempatan mahupun antarabangsa.

Memang data lengkap yang terperinci dan tersusun agak sukar didapati tetapi berdasarkan pada kajian dan analisis para orientalis dan sarjana tempatan, telah melahirkan berbagai teori dan pendapat. Untuk mencari dan mendapatkan satu data dan bukti yang kuat, juga kesimpulan yang dapat dipertanggungjawabkan baik secara historis mahupun kajian ilmiah, maka salah satu cara diadakanlah seminar kebangsaan tentang masuk dan berkembangnya agama Islam di Indonesia. Antara seminar yang terawal dilaksanakan dua kali, yang pertama diadakan di Universitas Islam Sumatera Utara, Medan, Indonesia pada 17 hingga 20 hb Mac 1963, dengan tajuk: "Seminar Masuknya Islam Ke Indonesia". Dalam seminar tersebut telah menetapkan tujuh kesimpulan berikut<sup>2</sup>:

---

<sup>1</sup> Kata tamaddun /ummat / da'wah ditulis sesuai dengan aslinya dari bahasa Arab (امة، دعوة، تمدن)

<sup>2</sup> HAMKA, 1981, *Dari Perbendaharaan Lama*, Kuala Lumpur, hlm. 12.

1. Bahawa menurut sumber-sumber yang diyakini, Islam untuk pertama kalinya telah masuk ke Indonesia pada abad pertama Hijrah / abad ketujuh / kedelapan Masihi dan langsung dari tanah Arab.
2. Daerah yang pertama didatangi oleh Islam ialah pesisir Sumatera Utara dan setelah terbentuknya masyarakat Islam, maka kerajaan Islam pertama berada di Aceh.
3. Dalam proses pengislaman selanjutnya, orang-orang Indonesia ikut aktif mengambil bahagian.
4. Mubaligh-mubaligh Islam yang mula-mula itu selain sebagai penyiar agama, juga sebagai saudagar.
5. Penyiaran Islam di Indonesia ini dilakukan dengan cara damai.
6. Kedatangan agama Islam ke Indonesia membawa kecerdasan dan peradaban yang tinggi dalam membentuk kepribadian bangsa Indonesia.
7. Harus dibentuk sebuah Badan Penelitian Sejarah Islam di Indonesia yang lebih luas dan tetap. Disarankan supaya badan ini berpusat di Medan, sedangkan di tempat-tempat lain yang dipandang perlu, dibentuk pula cabangnya, teristimewa di Jakarta.

Seminar yang ke dua diadakan di Banda Aceh pada 10 hingga 16 hb. Julai 1978. Seminar ini telah membuat dan menetapkan lapan kesimpulan berikut<sup>3</sup>:

1. Mengukuhkan dan menegaskan kembali ketetapan hasil seminar sejarah masuknya agama Islam yang berlangsung di Medan tahun 1963, yang menetapkan

---

<sup>3</sup> A.Hasjmy, 1981, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, (t.p). hlm.53-54.

bahawa agama Islam telah masuk ke Indonesia pada abad pertama Hijrah atau abad ke tujuh dan kedelapan Masihi langsung dari tanah Arab.

2. Masuk dan berkembangnya agama Islam di Indonesia mengalami proses dan memakan waktu yang cukup lama, sehingga antara masuknya agama Islam dan tumbuhnya kerajaan Islam adalah dua hal yang perlu dibedakan.
3. Dalam penulisan sejarah Islam di Nusantara sumber-sumber lokal (tempatan) seperti hikayat-hikayat dan naskhah yang sudah diuji kebenarannya dapat dijadikan sebagai sumber.
4. Dari segi geografis mahupun dari segi sejarah Islam di Nusantara, seminar memperkuat kenyataan bahawa “Aceh adalah serambi Mekkah”.
5. Sejarah telah membuktikan bahawa, Islam datang ke Nusantara membawa kemajuan dan kecerdasan serta tamaddun yang tinggi.
6. Timbulnya desintegrasi antara kerajaan-kerajaan Islam di Indonesia terutama disebabkan oleh campur tangan bangsa asing iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris.
7. Seminar menyarankan supaya diadakan studi mengenai sifat-sifat perjuangan rakyat Aceh dalam membina ketahanan Nasional.
8. Islam telah berperanan dalam membentuk keperibadian Indonesia yang berpandangan hidup Pancasila.

Itulah diantara hasil dua seminar yang terawal yang pernah dilaksanakan tentang sejarah masuknya agama Islam di Indonesia. Setelah agama Islam mulai bertapak, dengan secara perlahan dan tetap, telah dapat merubah struktur kehidupan masyarakat, mulai dari kepercayaan, adat istiadat, budaya, cara berfikir sehinggalah tingkah laku masyarakatnya. Akhirnya agama Islam telah menyebar luas di daerah

pesisir pantai Indonesia terutamanya di daerah bahagian Utara Sumatera hinggalah sampai pada kawasan yang lebih luas seperti yang dapat kita saksikan sekarang.

Sejalan dengan berkembangnya agama Islam di Indonesia, para penda'wah atau ulama, merasa perlu menjaga kemurnian dan keaslian ajaran agama Islam dalam penyampaiannya. Dengan itu mereka merasa tidak cukup kalau disampaikan secara lisan sahaja, akan tetapi perlu juga dalam bentuk tulisan. Di samping itu, justru luasnya ruang lingkup ajaran agama Islam yang menyebabkan ia tidak dapat dan tidak mungkin diingat dengan begitu sahaja, maka perlunya kegiatan persuratan dan penulisan digiatkan.

Keperluan yang dirasakan pada bentuk tulisan yang akan digunakan sebagai media atau wahana dalam menuliskan ajaran-ajaran Islam tersebut, mereka telah menemukan dan memilih huruf Arab dengan mencipta beberapa huruf tambahan sebagai alat yang akan digunakan dalam merakamkan ajaran-ajaran agama Islam, dengan menggunakan huruf Arab atau yang lazim disebut dengan tulisan Jawi (istilah di Indonesia Arab-Melayu). Mereka telah menyesuaikan dengan bahasa dan sebutan ucapan Melayu, akhirnya terciptalah tulisan Jawi seperti apa yang kita kenal sekarang ini.

Para ulama zaman silam telah menggunakan tulisan Jawi dalam menghasilkan karya-karya mereka, begitu juga masyarakat, umumnya telah menguasai dan menggunakan jasa tulisan Jawi ini dalam kehidupan berkomunikasi dan kegiatan persuratan, sebab pada masa itu tulisan Jawi berkembang luas dan merakyat di dalam arus perdana kehidupan masyarakat.

Agama Islam telah membawa banyak pengaruh dan perubahan terhadap kondisi, dan keadaan masyarakat Indonesia, termasuklah di antaranya merubah dan mempengaruhi sistem tulisan yang dibawa oleh agama Hindu (Pallava), Rencong, Bugis, dan lain-lain ke tulisan Jawi, kemudian merubah struktur kehidupan, kebiasaan sosiobudaya masyarakatnya. Dengan tercipta dan berkembangnya tulisan Jawi ini, para raja dan sultanpun menggunakan tulisan Jawi dalam menjalankan kegiatan pentadbiran dan pemerintahan, pendidikan dan kebudayaan, bahkan penjajah kolonial Belanda sendiri pun ikut menggunakan tulisan Jawi sebagai sarana / alat berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Sebagai contoh :

1. Surat Gubernur Jenderal Belanda kepada Sultan Palembang<sup>4</sup> (lihat lampiran A)
2. Surat Sultan Aceh Iskandar Muda<sup>5</sup> (1607-1636 M) kepada Raja James I, 1615 M ( lihat lampiran B).

Dalam perkembangan dan penggunaan tulisan Jawi selanjutnya semakin hari semakin meluas dan semakin dikuasai masyarakat. Tulisan Jawi yang sudah mulai menyebar secara meluas serta merata, akhirnya mengalami kedudukan dan peranan yang kuat, teguh, kukuh dan dominan hingga sampai menemui masa kemuncak kegemilangannya. Begitulah luasnya pemakaian tulisan Jawi dalam kehidupan masyarakat, sehingga tulisan Jawilah satu-satunya alat atau media yang paling luas digunakan oleh masyarakat di Indonesia dan juga di wilayah lain pada masa itu dalam kegiatan persuratan.

---

<sup>4</sup> Annabel Teh Gallop with Bernard Arps. 1991, *Golden Letters*, London The British Library, hlm. 49.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 34.



Akan tetapi keadaan ini berlaku hanya sampai tahun 1930-an, setelah proses penggunaan tulisan Rumi mulai diperkenalkan kepada masyarakat di Indonesia oleh penjajah Barat, terutama setelah diperkenalkannya sistem ejaan Rumi bagi bahasa Indonesia dengan ejaan van Ophuijsen, yang digubal oleh C.A. van Ophuijsen<sup>6</sup>. mulai tahun 1901 M<sup>7</sup>, tindakan ini telah menyebabkan tulisan Jawi diketepikan, akhirnya tulisan Jawi mendapat saingan dan semakin terdesak dan tersudut. Sebagai kemuncaknya, di Indonesia keadaan ini berlaku pada tahun 1960-an, pada waktu itu Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia ialah Profesor Dr. Priyono yang anti Pancasila dan Islam<sup>8</sup>, telah berjaya menghapuskan pelajaran “Tulis-Baca Jawi” di sekolah-sekolah rendah yang berada di bawah pengawasan dan pentadbiran Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Negara Republik Indonesia<sup>9</sup>.

...tetapi ketika Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia dipegang oleh Profesor Dr. Priyono yang anti Pancasila dan Islam, maka bidang studi membaca dan menulis aksara Arab-Indonesia dihapuskan, Indonesia hanya mengenal dan menggunakan aksara Latin-Indonesia seperti yang kita gunakan dewasa ini<sup>10</sup>.

<sup>6</sup> Amat Juhari Moain, Perkembangan Penggunaan Tulisan Dalam Bahasa Melayu, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Nov. 1987. C. A. van Ophuijsen, adalah penyusun ejaan van Ophuisyen di Indonesia pada tahun 1901.

<sup>7</sup> Ismail Dahaman, Perkembangan Ejaan Rumi di Indonesia 1900-1959. *Jurnal Dewan Bahasa*, bil 7. Julai 1991.

<sup>8</sup> Sabaruddin Ahmad, Tinjauan Singkat Sejarah Lahirnya Aksara Arab-Melayu Dalam Hubungannya Dengan Bahasa Indonesia, kertas kerja Penataran Aksara Arab-Melayu 1993-1994, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Propinsi Sumatera Utara Medan.

<sup>9</sup> Dokumen-dokumen terhadap penghapusan ini telah hilang, ini sesuai dengan kenyataan dari Drg. Zainal Arifin, atase Pendidikan dan Kebudayaan Kedutaan Besar Indonesia di Kuala Lumpur, Temubual di USM 17 Mac, 1997.

<sup>10</sup> Sabaruddin Ahamad, *op-cit.*, hlm.35.

Akibatnya, dalam kegiatan kehidupan bermasyarakat pun ikut mengalami dampak dari keadaan ini, selama lebih kurang 30 tahun( sekitar tahun 60-an) keadaan ini berlaku, lahirlah generasi baru yang tercabut dari akar budaya Islam tulisan Jawi. Generasi muda sudah banyak yang tidak dapat lagi membaca dan menulis tulisan Jawi. Hilangnya pengetahuan dan penguasaan tulisan Jawi dari kalangan masyarakat, justeru luputnya kesanggupan dan keupayaan membaca al-Qur'an, sebab di antara penguasaan membaca al-Qur'an, dengan penguasaan tulisan Jawi sangat erat hubungannya. Sebagai contoh, sekarang semakin ramai ummat Islam Indonesia yang tidak dapat membaca al-Qur'an, buktinya telah banyak surah-surah al-Qur'an seperti surah "Yasin" yang ditulis dengan menggunakan tulisan Rumi. Kegiatan dalam penulisan dengan menggunakan tulisan Jawi semakin berkurangan, naskhah, risalah, majalah dan surat kabar, tidak lagi ada ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi, tetapi ditulis dengan menggunakan tulisan Rumi<sup>11</sup>.

Dalam masa itu, masyarakat hampir telah berjaya dibutakan dari tulisan Jawi, yang pada umumnya tidak lagi dapat membaca buku-buku yang bertulisan Jawi, terutamanya generasi muda yang mendapat pendidikan umum sekular. Naskhah-naskhah lama yang mengandungi banyak khazanah ilmu pengetahuan agama dan pengetahuan umum yang tersimpan dalam naskhah tulisan Jawi, tidak dapat mereka baca dan gunakan lagi akibat tidak mampu membacanya. Ilmu Islam yang tercatat dan tersimpan di dalam ribuan naskhah dan buku bertulisan Jawi sudah semakin terbiar.

---

<sup>11</sup> Di antaranya ialah: Al-Mizan, Al-Bayan, Al-Imam, Suara Muhammadiyah, sila rujuk, *Qalam*, bil. 19, Februari 1952.

Begitulah nasib tulisan Jawi yang pernah berjasa besar dalam kehidupan masyarakat untuk merakamkan ajaran-ajaran agama Islam dan menyokong mengembangkannya serta tamaddunya di Indonesia. Mungkin tanpa tulisan Jawi, bangsa Indonesia begitu juga bangsa Melayu lain, belum dapat mencapai zaman kemajuannya seperti saat ini.

## 1.2 DAERAH KAJIAN

Daerah yang menjadi latar belakang kajian ini adalah bahagian Utara Sumatera, iaitu daerah yang mencakupi dua Propinsi (negeri) yang terdiri dari Propinsi Daerah Istimewa Aceh dan Propinsi Sumatera Utara sendiri. Kedua kawasan ini adalah kawasan yang paling hujung dari Pulau Sumatera di sebelah Utara atau dengan perkataan lain kawasan paling hujung dari kepulauan Indonesia di bahagian Barat. (peta lihat lampiran C).

Adapun alasan memilih tajuk dengan latar belakang daerah ini, kerana tempat ini merupakan bahagian yang pertama sekali dimasuki oleh agama Islam di Indonesia<sup>12</sup> dan diyakini di sini pulalah pertama sekali tulisan Jawi ditemukan (diciptakan). Sebelum Indonesia merdeka, kedua wilayah ini secara administratif bergabung dalam satu wilayah pemerintahan. Pada masa itu, Sumatera Utara mencakupi daerah Istimewa Aceh dan Sumatera Timur yang daerahnya mencakupi daerah Sumatera Utara sekarang ini. Setelah Indonesia merdeka terjadilah pembahagian wilayah Propinsi (Negeri), maka daerah atau tempat yang mula-mula sekali didatangi agama Islam itu terbahagi dua, sebahagian masuk menjadi wilayah

---

<sup>12</sup> Abdullah Ishak, 1992, *Islam di Nusantara, Khususnya di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur, hlm. 49-52.

Sumatera Utara dan sebahagian lagi menjadi wilayah Daerah Istimewa Aceh, dan dari daerah inilah ajaran agama Islam itu terpancar menyebar luas ke segala penjuru tanah air. Di samping itu kajian ini tidak menggunakan Hipotesis atau andaian awal, sebab kajian ini tidak bersifat kualitatif.

### 1.3 LETAK GEOGRAFIKAL DAERAH KAJIAN

Dalam membincangkan letak geografikal daerah bahagian Utara Sumatera ini, elok dijelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan bahagian Utara Sumatera ini terdiri dari dua wilayah( Negeri Aceh dan Sumatera Utara) yang masing-masing sudah mempunyai hak otonomi sendiri. Oleh sebab itu penjelasan mengenai letak geografikalnya ini terpaksa dilaksanakan dengan satu persatu.

1. Daerah istimewa Aceh, ibu kotanya Banda Aceh, memiliki keluasan 55.390 km<sup>2</sup> ( 2,88 % dari seluruh keluasan Indonesia) yang terletak pada posisi 2° - 6° Lintang Utara, dan 95°-98° Bujur Timur. Daerah Istimewa Aceh bersempadan dengan Samudera Indonesia / Selat Melaka di sebelah Utara, sebelah Selatan bersempadan dengan Propinsi Sumatera Utara, sebelah Barat dengan Selat Melaka, dan sebelah Timur dengan Samudra Indonesia<sup>13</sup>.

2. Sumatera Utara dengan ibu kotanya Medan, yang memiliki keluasan 72.982 km<sup>2</sup>, (3,69 % dari keluasan Indonesia) terletak pada posisi 1°-4° lintang Utara dan 89°- 100° Bujur Timur, yang mempunyai batas-batas sebagai berikut. Sebelah Utara berbatasan dengan Propinsi Daerah Istimewa Aceh, sebelah Selatan

---

<sup>13</sup> Al-Fian et. al., 1995, *Ilmu Pengetahuan Sosial*, Medan, hlm. 61.

dengan Propinsi Sumatera Barat dan Riau, sedangkan di sebelah Barat bersempadan dengan Selat Melaka dan di sebelah Timur dengan Samudra Indonesia<sup>14</sup>.

#### 1.4 LATAR BELAKANG

Tulisan Jawi adalah salah satu kesan dan pengaruh daripada warisan budaya tamaddun Islam di Nusantara, tulisan ini telah pernah berjaya merakamkan kegiatan dan aktiviti keilmuan Islam baik sejarah, budaya, pemikiran dan falsafah hidup di zaman jayanya dahulu. Melalui tulisan Jawi ini, generasi baru masih dapat lagi menggali dan mengikuti serta membaca karya-karya ulama zaman silam yang diwariskan kepada generasi sekarang ini.

Setiap rakaman yang diabadikan dengan tulisan Jawi, mengandungi pelbagai maklumat dan penerangan melalui kitab, buku, hikayat, naskhah, manuskrip, persuratan dan undang-undang, bahkan sampai pada surat-surat rasmi dan geran tanah.

Peranan tulisan Jawi tidak dapat dinafikan, dengan berkat jasa tulisan Jawi, masyarakat Indonesia dan masyarakat Melayu lainnya, telah dapat menikmati pelbagai kemajuan, baik kemajuan di bidang pendidikan mahupun kebudayaan. Dengan tulisan Jawi pula, ajaran agama Islam mudah terakam dan cepat berkembang ke segala pelosok tanah air. Tulisan Jawi sebagai wahana ilmu telah dapat memikat masyarakat Melayu yang menjadi satu sebab bagi mereka mudah menerima Islam sebagai agama dan cara hidup.

---

<sup>14</sup> *Ibid.*, hlm. 62.

Peranan tulisan Jawi ini pada zaman silam memang cukup besar, sebab ia menjadi tulisan yang penting dalam urusan surat menyurat di kalangan pelbagai pihak. Bukan sahaja oleh orang Melayu dengan orang Melayu, orang Melayu dengan bangsa-bangsa yang lain, bahkan juga antara bangsa-bangsa yang bukan Melayu yang terdapat di Asia Tenggara<sup>15</sup>

Lahirnya tulisan Jawi adalah berkat jasa dan kecemerlangan pemikiran para ulama Islam dalam membaca kondisi dan situasi masyarakat pada zamannya. Keadaan masyarakat pada saat mula masuknya Islam, memerlukan satu sarana/alat untuk merakamkan dan menuliskan ajaran Islam, maka diciptalah tulisan Jawi yang telah disesuaikan dari huruf Arab Hijaiyah<sup>16</sup>.

Hasil kebijaksanaan dan kreativiti ulama Melayu, mereka telah berjaya menyesuaikan tulisan Arab dengan sistem tulisan Melayu sehingga terbentuknya tulisan Jawi (yang diistilahkan sebagai tulisan Arab/huruf Arab oleh orang Indonesia). Dalam hal bunyi bahasa atau fonem, huruf-huruf baru yang dicipta hasil penyesuaian dari abjad Arab ialah ca( ق ) nga( غ ) pa ( ف ) ga ( ك ) dan nya ( ن )<sup>17</sup>

Dengan adanya tulisan Jawi ini, ternyata kegiatan penulisan, tidak hanya tertumpu pada penulisan ajaran agama Islam sahaja, tetapi telah meluas dalam segala aspek kegiatan kehidupan, bahkan semenjak adanya tulisan Jawi ini, masyarakat Indonesia dan Alam Melayu lain seolah-olah mendapat satu rahmat sehingga kegiatan penulisan telah mulai bermunculan dalam pelbagai bidang.

<sup>15</sup> Amat Juhari Moain, 1995, *Tulisan Jawi Sebagai Wahana Pelestarian Bahasa, Budaya dan Tamadun Dunia Melayu*, kertas kerja *Kongres Bahasa Melayu Sedunia.*, Kuala Lumpur, hlm. 151.

<sup>16</sup> Huruf Arab itu; ا, ب, ت, ث, ج, ح, خ, د, ذ, ر, ز, س, ص, ض, ط, ظ, ع, غ, ف, ق, ك, ل, م, ن, و, ه, و, لا, ي, dan ditambah dengan huruf Jawi; چ, ف, ت, گ, ح.

<sup>17</sup> Mahayudin Hj. Yahaya, 1994, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, jld. 1, Kuala Lumpur, hlm 20.

Sebagai contoh dapat kita analisis beberapa bukti kewujudan tulisan Jawi:

1. Hikayat Raja Pasai<sup>18</sup>.(Lihat lampiran D ).
2. Surat kerajaan Negeri Deli tentang pengangkatan Tengku Amiruddin sebagai Pangeran Bendahara Wazir Negeri Deli, yang dikeluarkan pada tanggal 1 Agustus 1930 M<sup>19</sup> dan surat-surat lain.(lihat lampiran ,E,F,G,H,).
3. Contoh surat rasmi pembesar Belanda masa periode pertama aktif menjajah di Sumatera Timur, abad ke 19/ 1295 H.
4. Geran tanah menentukan hak kebun yang dikeluarkan Seri Paduka Sultan Deli tahun 1927 M.
5. Surat keterangan (peraturan 4 suku) di dalam pemerintahan kerajaan Deli yang dikeluarkan pada tahun 1286 H.

Bukti lain yang ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi dapat kita lihat pada sebuah manuskrip ilmu pertabiban Melayu<sup>20</sup>.( lihat lampiran I).

Demikianlah beberapa contoh penggunaan tulisan Jawi dalam berbagai surat-surat rasmi yang pernah wujud dalam kegiatan kemasyarakatan dan pemerintahan. Melalui tulisan Jawi turut pula berkembang bidang kesusasteraan Melayu di Nusantara.

Dengan terciptanya aksara (tulisan) Arab-Melayu tersebut maka bermulalah periode modernisasi dalam kesusasteraan Melayu-Indonesia, dari sastera lisan yang disampaikan dari mulut ke mulut menjadi sastera

<sup>18</sup> Annabel Teh Gallop dan Bernard Arps, *op-cit.*, hlm. 30.

<sup>19</sup> Dokumen-dokumen ini tulisan Jawinya (foto copi) ada pada penulis yang didapati dari simpanan T.Lukman Sinar, sebagai ahli waris dari Sultan Deli, Medan.

<sup>20</sup> Muhammad Yusuf Hasyim, 1985, *Manuskrip Melayu Warisan Keilmuan Yang Bernilai, Warisan Budaya Melayu*, dalam *Warisan Dunia Melayu*, Abdul Latif Abu Bakar (ed), Kuala Lumpur, hlm. 83.

tulisan, baik yang ditulis dengan tangan mahupun yang dicetak. Pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Syah di Aceh (Pasai) mulailah berkembang dengan pesatnya penulisan kesusasteraan yang ditulis dengan bahasa Melayu dengan aksara (tulisan) Arab-Melayu. Kemudian pada masa pemerintahan sultan Muhammad Syah di negeri Melaka pun, kegiatan menulis sastera dalam bahasa Melayu dengan aksara Arab-Melayu berkembang dengan amat pesatnya. Pada masa ini mulailah diterbitkan buku-buku agama Islam serta berbagai jenis karya sastera dengan cetakan batu<sup>21</sup>.

Rupanya penciptaan atau penemuan tulisan Jawi ini membawa kepada suatu perubahan yang besar dalam perjalanan sejarah persuratan di Indonesia dan di Alam Melayu lainnya, sebab dengan adanya tulisan Jawi ini nampaknya adalah awal dari era baru sejarah persuratan dan kesusasteraan di Nusantara, mulai saat ini banyaklah terbit buku-buku agama Islam seperti yang telah disebutkan di atas.

Pernyataan di atas membuktikan kepada kita, satu fakta sejarah tentang fungsi dan mantapnya peranan tulisan Jawi pada awal pensejarahan Islam dan kesusasteraan Indonesia dan Tanah Melayu lainnya. Di Malaysia tulisan Jawi juga digunakan sebagai menuliskan mata wang, catatan pentadbiran, cukai, undang-undang, hukum kanun, dan lain sebagainya serta ia menjadi salah satu unsur jati diri bahasa dan budaya Melayu yang menerokai sifat dan watak masyarakat Melayu Islam.

Demikianlah mantapnya peranan dan status tulisan Jawi sebagai tulisan Melayu-Islam. Selama kira-kira tujuh abad (mulai abad ke-13 hingga abad ke-20) ia telah digunakan cukup berkesan dan berjaya sebagai wahana pembangunan tamaddun intelektual Melayu-Islam, di samping sebagai kekuatan pengikat kesatuan

---

<sup>21</sup> Sabaruddin Ahmad, 1994, *op-cit.*, hlm.36-37.



budaya kepulauan Melayu dan sebagai unsur pemantapan jatidiri keislaman budaya Melayu<sup>22</sup>.

Begitulah pentingnya erti dan fungsi tulisan Jawi bagi masyarakat Melayu dan Islam, dalam konteks ini Prof. Dr. Syed Muhammad Naguib al-Attas, antara lain mengatakan.

Kedatangan Islam telah membawa bersama tulisan Arab yang dijadikan tulisan Melayu yang mempunyai tambahan beberapa huruf istimewa bagi bahasa itu, dan nampaknya tulisan Jawi inilah yang mengikat perpaduan satu bahasa meliputi seluruh golongan Bangsa Melayu. Kita dapati bahawa dalam tulisan-tulisan Melayu pada abad-abad keenam belas dan ketujuh belas istilah-istilah seperti orang “Melayu” dan “Negeri Melayu” ada terdapat, akan tetapi tiada terdapat istilah “Bahasa Melayu”. Bila mana bahasa Melayu dimaksudkan dalam tulisan-tulisan itu, maka terdapat di situ istilah “Bahasa Jawi”. Kita tahu bahawa istilah Jawi itu adalah nama gelaran orang Arab terhadap seluruh bangsa-bangsa penduduk daerah kepulauan ini, akan tetapi bagaimanapun sangatlah berkesimpulan bagi pengkajian kita mengenai masalah sejarah bahasa Melayu, bahawa orang Melayu sendiri menamakan bahasanya bahasa Jawi, meskipun istilah Jawi itu sebenarnya digunakan oleh mereka khusus bagi menamakan tulisan Arab-Melayu seolah-olah orang Melayu kala itu menamakan bahasanya berdasarkan pada tulisannya<sup>23</sup>.

Namun apapun pendapat orang tentang huruf-huruf Jawi ini, sejarah telah mencatat peranan yang telah pernah dimainkan oleh tulisan Jawi ini selama berabad-abad lamanya. Kini telah menjadi satu warisan dalam catatan sejarah tamaddun Islam, walau pun tulisan Jawi kini dianggap tidak lagi munasabah dan sesuai dalam mengikuti arus globalisasi modennya kemajuan zaman.

<sup>22</sup> Siddiq Fadil, 1995, *Tulisan Jawi: Pelestarian dan Pendaulatannya di Alam Melayu*, dalam kertas kerja *Seminar Tulisan Jawi 1995*, Kuala Lumpur, hlm. 3.

<sup>23</sup> Syed Muhammad Naguib al-Attas, 1972, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, hlm. 43.

Tulisan Jawi kini dianggap kurang relevan lagi, dan dianggap ketinggalan zaman kerana menurut sebahagian orang, banyak didapati kelemahan apabila berbanding dengan tulisan Rumi yang digunakan sekarang. Kenyataan inilah yang berlaku di Indonesia, sehingga semenjak diperkenalkannya ejaan tulisan Rumi di Indonesia pada tahun 1901 M oleh penjajah barat, dari sedikit ke sedikit, peranan dan pengabdian tulisan Jawi semakin terdesak dan tersudut, yang pada akhirnya mulai tahun 1960-an tidak lagi digunakan sama sekali melainkan hanya oleh segelintir orang dan dalam konteks lapangan yang sangat terbatas pula.

### **1.5 PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan huraian di atas, peranan tulisan Jawi pada mulanya sangat penting di Indonesia dan di Alam Melayu lainnya, tetapi zaman itu kini telah berlalu dan sekarang sedang mengalami zaman kemerosotannya. Pada zaman kemerosotan ini telah mengakibatkan timbulnya beberapa masalah bagi masyarakat Melayu Indonesia, di antaranya, khazanah dan tamaddun Islam tulisan Jawi semakin terbiar dan terkubur, sehingga pemahaman dan penguasaan terhadap tulisan Jawi semakin hilang dan terhakis, akibatnya semua peninggalan ulama dan bukan ulama zaman dahulu yang bertuliskan dengan tulisan Jawi semakin punah dan hilang pula dan bahkan semakin tidak dapat lagi dimanfaatkan.

Ketiadaan suatu sistem baru yang mudah dalam mempelajari tulisan Jawi, mengakibatkan salah satu faktor tulisan Jawi kurang disukai oleh banyak orang

dalam mempelajarinya<sup>24</sup>, akibatnya semakin ramai ummat Islam Indonesia yang tidak dapat membaca tulisan Jawi dan al-Qur'an, akhirnya semakin ramai pulalah ummat Islam Indonesia yang tersesat sebab membaca dan menulis al-Qur'an dengan menggunakan tulisan Rumi.

Lahirnya suatu motivasi untuk merumikan hasil-hasil karya bertulisan Jawi akan membuka suatu peluang kemungkinan hilang keasliannya akibat diselewengkan kerana tidak sesuai dengan zamannya atau tidak sesuai dengan fahamnya. Di samping itu hilang pula keaslian dari segi fonetik dan nilai estetikanya.

Khazanah tamaddun Islam masa yang silam sudah banyak yang tidak dapat digali, diwariskan dan diteliti dengan secara berkesan dan mendalam, sebab para ahli dalam tulisan Jawi hampir tidak ditemui lagi, akibatnya khazanah peninggalan Islam yang banyak mengandungi dan menyimpan ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam, tak dapat dimanfaatkan. Di samping itu, banyaknya istilah-istilah keagamaan yang kurang tepat dalam menuliskan atau mentranslitasikannya sebab banyak huruf-huruf Jawi yang tidak ada padanannya dalam huruf Rumi, ( ذ ، ض ، ط ، ت ، ظ dan lain-lain) akibatnya akan mempengaruhi makna terhadap istilah dan perkataan yang ditimbulkannya sebab perubahan bunyi yang dilafazkan. Apabila masalah-masalah seperti ini dibiarkan dan tidak dicarikan jalan penyelesaiannya yang tepat dan sungguh-sungguh serta berterusan, diyakini nilai-

---

<sup>24</sup> Khairuddin Rangkuti, et-al, 1993, Laporan Penelitian Keberadaan Pengajaran Tulis-Baca Huruf Jawi di Sekolah Dasar, *Lembaga Penelitian*, Universitas Sumatera Utara Medan. (tidak diterbitkan)

nilai budaya tradisional Islam yang sangat berharga di Indonesia dan di Alam Melayu lainnya akan punah ditelan masa dan berlalunya zaman.

## **1.6 BATASAN DAN BIDANG KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu pada perbincangan tulisan Jawi di bahagian Utara Sumatera yang menyangkut masalah kedaulatan, kelemahan serta ikhtiar dan prakarsa-prakarsa untuk memperkasakannya. Utara Sumatera diyakini sebagai daerah tempat pertama sekali tulisan Jawi ini lahir dan berkembang. Di samping itu, kajian juga dilakukan pada hal-hal yang menyangkut dan sesuai dengan data-data peninggalan sejarah yang ada hubung kait dengan tulisan Jawi itu sendiri.

Kajian ini juga akan mencari dan membincangkan tentang sistem tulisan Jawi baru, serta kurikulum baru tulisan Jawi, penerapan dan penggunaan tulisan Jawi semula di bahagian Utara Sumatera khususnya, di Indonesia pada umumnya, dan ini yang akan diuraikan atau dibincangkan pada bahagian sistem ejaan baru tulisan Jawi dan meninjau kurikulum dan kaedah pengajarannya.

## **1.7 PENGUMPULAN DATA DAN BAHAN KAJIAN**

Pengumpulan data dan bahan dalam menjalankan kajian ini adalah yang terdiri daripada: bahan-bahan manuskrip Melayu, buku-buku dan surat-surat, serta geran tanah yang bertulisan Jawi. Kemudian data-data peninggalan sejarah yang ada berhubungan dengan masalah tulisan Jawi termasuklah di dalamnya pelajaran tulisan Jawi yang pernah digunakan pada masa yang silam.

Disamping bahan bercetak termasuk juga bahan tambahan, seperti data-data yang didapati hasil-hasil perbincangan dan wawancara terhadap beberapa tokoh yang dianggap mengetahui dan memenuhi syarat untuk keperluan bahan kajian yang sedang dijalankan.

Setelah semua bahan dan data dapat dikumpulkan, maka diadakan pemilihan dan pengkelasan data sesuai dengan jenis dan bahagiannya. Misalnya dikelompokkan jenis surat dengan surat, manuskrip dengan manuskrip, dan naskhah dengan naskhah. Begitu juga dengan data yang sifatnya tidak dicetak seperti manuskrip, dipilih dan dikelompokkan, barulah diadakan penganalisan terhadap data-data yang didapati tersebut.

## **1.8 KAEDAH, PENDEKATAN KAJIAN DAN LANDASAN TEORI**

Sesuai dengan tajuk kajian ini, maka kaedah dan pendekatan kajian yang digunakan terdiri dari dua iaitu: Kepustakaan dan Lapangan.

1. Kaedah Kepustakaan. Kaedah Kepustakaan pula terdiri dari dua iaitu: Komparatif-Historis dan Studi Bibliografis.

(a) Penyelidikan komparatif-historis, ialah mengadakan pengkajian hubungan lebih dari satu fenomena yang sejenis dengan menunjukkan unsur-unsur persamaan serta perbezaannya. Atau perbandingan satu sistem hukum misalnya yang dilaksanakan oleh beberapa negara terhadap tindak kesalahan atau kejahatan yang bersifat sejenis, atau meneliti dua kondisi yang lahir daripada sesuatu yang bentuknya berlainan sungguhpun hakikatnya sama.

(b) Studi Bibliografis, ialah kajian yang menggunakan dokumen-dokumen lama dalam setiap bidang ilmu. Kemudian menghimpun pendapat para ahli dalam satu bidang kajian, memerlukan dokumen-dokumen sebagai bahan kajian. Termasuk juga dalam studi bibliografis ini adalah penyusunan karya-karya tertentu seorang pemikir, atau mendapatkan dan menerbitkan semula dokumen-dokumen lama yang telah hilang serta penyusunan semula buku-buku pelajaran yang berdasarkan kepada tulisan-tulisan terbaru dari pada beberapa ahli<sup>25</sup>.

Kajian yang dijalankan ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa menggunakan bahan-bahan sejarah, terutama dengan sejarah tulisan Jawi, yang mungkin di antara beberapa bahan sejarah yang didapati itu ada perbezaan, maka diadakanlah perbandingan-perbandingan untuk mendapatkan satu kesimpulan yang muktamad dan menyakinkan.

2 Kaedah Lapangan. Kaedah lapangan ini dipergunakan untuk mencari data atau bahan tambahan yang diperlukan untuk menyokong kajian yang sedang dilakukan sebagai pelengkap data yang tidak didapati dari bahan atau data bercetak. Kaedah ini mencakupi pelaksanaan observasi lapangan, wawancara dengan para informan yang dirasa atau dianggap memenuhi kriteria sebagai sumber data dalam masalah kajian yang sedang dilakukan. Kaedah kajian ini adalah mengkombinasikan antara kajian perpustakaan (**library research**) dan kajian luar (**field research**) dengan menggunakan landasan teori berikut ini.

---

<sup>25</sup> Winarno Surakhmad, 1994, *Pengantar Penelitian Ilmiah*, Bandung, hlm. 136-137.

Kerangka pemikiran adalah dukungan dasar teoritis dalam rangka memberi jawaban terhadap pendekatan pemecahan masalah. Sebagaimana diketahui, ilmu merupakan lanjutan kesinambungan kegiatan yang telah dirintis oleh para pakar sebelumnya. Ini berarti telah tersedia gudang teori-teori untuk masing-masing disiplin ilmu, termasuk yang berhubungan dengan masalah yang sedang didikaji. Oleh itu untuk penyusunan satu kerangka pemikiran, harus bertitik tolak dari pemikiran bukti ilmiah berupa kesimpulan hasil penelitian para pakar ilmiah terdahulu.<sup>26</sup>

Berdasarkan kerangka pemikiran di atas, kajian ini telah memilih landasan teori yang dikemukakan oleh tiga orang ahli bahasa. Z'aba mengatakan pada awal kurun keempat belas orang Melayu masuk agama Islam serta diambil mereka huruf-huruf tulisan Arab bagi menuliskan bahasa Melayu. Maka hilanglah huruf-huruf Sankrit itu diganti dengan huruf-huruf Arab, yang demikian kekal sampai masa ini<sup>27</sup>.

Pendapat Z'aba ini diperincikan lagi oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas dengan menjelaskan dengan tibanya Islam di kalangan orang Melayu dengan bertukarnya agama Hindu-Buddha-Animisma kerajaan-kerajaan Melayu kepada Islam, maka telah diterima dan dijadikan sebagai kepunyaannya juga abjad dan tulisan Arab. Berdasarkan huruf-huruf Arab: *jim* (ج); *'ayn* (ع); *fa'* (ف); *kaf* (ك); dan *nun* (ن); lima huruf baru lambat laun tercipta, masing-masing

<sup>26</sup> H.Didi Atmadilaga. 1994. *Panduan Skripsi, Tesis, Disertasi*. Bandung. Pionir. hlm. 89.

<sup>27</sup> Z'aba. 1965. *Pelita Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm.3-4.

menandakan bunyi-bunyi yang lazim pada bunyi lidah Melayu: *cha* ( چ ); *nga* ( ن );

*pa* ( پ ); *ga* ( گ ); dan *nya* ( ي ).<sup>28</sup>

Bagaimanapun, tentang huruf tambahan sebanyak lima huruf yang dinyatakan oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas tersebut, Lutfi Abas dan Omar Awang berpendapat, bahawa tulisan (huruf) yang dicipta hanya sekadar huruf, “ng” ( ن ), “fa” ( ف ), dan “ny” ( ي ), akan tetapi berkenaan dengan huruf “ca” ( چ ) dan “ga” ( گ ) kemungkinan besar ianya diambil daripada huruf-huruf Parsi, bukan dicipta”<sup>29</sup>.

### 1.9 TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN.

Tulisan Jawi sebagai salah satu peninggalan dari khazanah peradaban budaya dan tamaddun Islam, telah banyak jasa dan peranannya dalam segala lapangan kehidupan masyarakat Indonesia dan masyarakat Melayu yang lain, di antaranya dalam dunia pendidikan dan ilmu pengetahuan. Peranannya telah mengalami sejarah pasangsurut serta jaya dan merosotnya.

Period kejayaan tulisan Jawi telah dapat menghantar masyarakat Indonesia ke era kemajuan, dengan Islam sebagai dasar tonggak utamanya, dan tulisan Jawi telah berperanan dalam mengabadikan dan merakamkan semua karya ‘ulama’ dan para cendekiawan zaman dahulu baik yang berbentuk ilmu pengetahuan keislaman, bahasa, sastera, budaya, sejarah, falsafah, dan juga kesenian Islam, dan lain-lain.

<sup>28</sup> Syed Muhammad Naguib al-Attas, 1972. *op-cit.* hlm 41.

<sup>29</sup> Lutfi Abas dan Omar Awang, Kesan Pengaruh Agama Islam dan Bahasa Arab, dalam Bahasa Melayu. Kumpulan kertas kerja dalam Hamdan Hassan. 1978 *Islam dan Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur, hlm. 96-97. ;



Manakala period kemerosotannya pula, tulisan Jawi telah hampir hilang dari ummat Indonesia dengan segala akibat dan kerugiannya. Dengan demikian kepentingan kajian ini:

1. Membangunkan kembali citra dan imej masyarakat Islam akan betapa kekuatan, jasa dan sumbangan yang pernah diperanakan oleh tulisan Jawi dalam mencerdaskan kehidupan bangsa dan negara.
2. Sebagai salah satu usaha untuk memulihkan dan mengagungkan semula tamaddun Islam yang gemilang itu.
3. Hendaknya Indonesia, khususnya Sumatera Utara dan Aceh diharapkan akan memiliki satu sistem tulisan Jawi baru dengan kaedah pengajarannya yang lebih sesuai dan berkesan.
4. Diharapkan masyarakat Islam akan menguasai semula tulisan Jawi dan akan timbul kehairahan membaca manuskrip, kitab, buku dan naskhah yang ditulis oleh para 'ulama' zaman dahulu, dan tidak hanya bergantung semata-mata kepada membaca tulisan-tulisan para orientalis Barat tentang Islam di Alam Melayu.
5. Bangsa Indonesia dan bangsa Melayu lainnya akan lebih kaya apabila memiliki dua bentuk tulisan, Rumi/Latin dan Jawi, kerana ia akan merupakan kekayaan cakerawala pengetahuan Bangsa Melayu itu sendiri. Apabila tulisan Jawi dikuasai semula, diharapkan ummat Islam Indonesia akan terselamat dari kesesatan dan kekeliruan membaca dan menulis al-Qur'an dengan tulisan Rumi.

## 1.9 OBJEKTIF KAJIAN

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini tentang peranan, jasa dan luasnya penggunaan tulisan Jawi pada masa silam, sehingga banyak mewariskan buku, manuskrip dan naskhah, baik yang membicarakan tentang ajaran Islam, dan sebagainya, maka objektif kajian ini:

1. Mengkaji dan meneliti tentang kedaulatan tulisan Jawi dan sejauh mana ia berperanan dalam perkembangan agama dan tamaddun Islam, memajukan dan meningkatkan taraf pendidikan bangsa, merangsang pertumbuhan bahasa, budaya Indonesia dan Alam Melayu lainnya dengan menjadikan tulisan Jawi sebagai alatnya.
2. Mengkaji dan meneliti faktor-faktor apa sahaja yang melemahkan pemakaian tulisan Jawi dan kerugian yang ditemui dan derita yang ditanggung oleh bangsa Indonesia akibat daripada tulisan Jawi yang tidak digunakan lagi.
3. Untuk mewariskan dan meyakinkan kepada generasi yang akan datang, juga kepada masyarakat antara bangsa akan keuntungan penggunaan tulisan Jawi, dan sekaligus sebagai wahana/sarana penyemaian kembali jatidiri tamaddun Islam di Indonesia dan juga di Alam Melayu lainnya.
4. Mencari satu sistem tulisan Jawi baru, dan kurikulum tulisan Jawi baru yang sesuai untuk Indonesia umumnya, Utara Sumatera khususnya di masa akan datang serta kaedah dan cara bagaimana seharusnya dilakukan untuk mengembalikan semula keagungan dan kegemilangan tulisan Jawi di Indonesia dan Alam Melayu lainnya.

## 1.10. KAJIAN TERDAHULU

Kajian terhadap tulisan Jawi telah banyak dibuat oleh para sarjana, sama ada dari Barat ataupun Timur. Namun begitu semua kajian yang dibuat oleh para pengkaji tersebut hanya menyentuh pada analisis perkembangan bentuknya sahaja. Seperti di antaranya:

1. W. Marsden telah membuat kajian pada tahun 1812 M tentang tulisan Jawi, juga dari sudut perkembangan bentuknya.
2. W.G. Shellabear pada tahun 1901 M yang mengkaji tentang perbandingan penggunaan tulisan Jawi yang digunakan oleh Hikayat Sri Rama, Hikayat Abdullah dan Panca Tandran. Shellabear juga telah membuat suatu keterangan tentang perkembangan tulisan Jawi selama lebih kurang 300 tahun.
3. Pada tahun 1965 Zainal Abidin bin Ahmad (Z'ABA) telah mengarang sebuah buku bertajuk 'Pelita Bahasa Melayu' yang di dalamnya membincangkan tentang tulisan Jawi dari sudut sejarahnya dan juga sistem transliterasinya dengan huruf Rumi.
4. Kang Giong Seouk pada tahun 1986, telah membuat satu kajian bertajuk 'Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu'. Beliau hanya mengkaji dan menganalisis tentang perkembangan dari sudut bentuk tulisan Jawi dari sejak adanya sampai sekarang.

Justeru itu belum ada kajian tentang masalah tulisan Jawi secara terperinci apalagi menyangkut tentang: 'Kedaulatan, Kelemahan dan Usaha-usaha